

**NO. SOALAN: 187**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI BUKAN JAWAB LISAN  
DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN**

**DARIPADA : TUAN WONG CHEN [ KELANA JAYA ]**

**RUJUKAN : 9739**

**SOALAN :**

**Tuan Wong Chen [ Kelana Jaya ]** minta **MENTERI DALAM NEGERI** menyatakan sebab pihak Kerajaan tidak menggunakan kaedah saintifik ujian DNA bagi tujuan pengesahan hal ehwal kewarganegaraan.

**JAWAPAN:**

**Asas penentuan kewarganegaraan seseorang individu adalah berdasarkan kepada peruntukan undang-undang yang termaktub di bawah Perlembagaan Persekutuan. Penganugerahan kewarganegaraan kepada seseorang individu merupakan anugerah tertinggi Kerajaan Malaysia yang dipertimbangkan sewajarnya berdasarkan dokumen yang dikemukakan oleh pemohon. Dalam hal ini, beban bagi membuktikan kelayakan untuk dianugerahkan kewarganegaraan Malaysia adalah terletak di bawah tanggungjawab pemohon itu sendiri.**

**Keputusan ujian *Deoxyribonucleic Acid* (DNA) merupakan salah satu dokumen sokongan yang diterima dalam memproses permohonan kewarganegaraan yang dikemukakan oleh individu. Namun, ia bukanlah dokumen mandatori yang diperlukan oleh Kerajaan untuk mempertimbangkan permohonan. Keputusan ujian DNA digunakan bagi mendapatkan pengesahan pertalian darah individu dengan ahli keluarga, khususnya di antara individu tersebut dengan ibu, bapa ataupun adik beradik. Walau bagaimanapun, ia bukan bukti yang konklusif dalam menganugerahkan kewarganegaraan Malaysia memandangkan pertimbangan masih tertakluk kepada status perkahwinan dan taraf kewarganegaraan ibu bapa serta peruntukan-peruntukan lain yang termaktub di bawah Bahagian III Perlembagaan Persekutuan.**

**SOALAN (188)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB TUAN WONG CHEN  
[KELANA JAYA]**

**SOALAN :**

**YB TUAN WONG CHEN [KELANA JAYA] minta PERDANA MENTERI menyatakan :-**

- (a) pendirian Kerajaan mengenai rizab minyak dan gas di Luconia Shoals; dan
- (b) sama ada kontrak telah diberi kepada syarikat-syarikat dari Negara China

**JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat sehingga kini, tiada sebarang kontrak berkaitan minyak dan gas di Luconia Shoals diberi kepada syarikat-syarikat dari Negara China.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017

**SOALAN (189)**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN  
DEWAN RAKYAT, PARLIMEN MALAYSIA**

**PERTANYAAN : BERTULIS**

**DARIPADA : YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL  
[LIBARAN]**

**SOALAN :**

**YB DATUK JUSLIE BIN AJIROL [LIBARAN]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan jumlah pelaburan Petroliam Nasional Bhd (Petronas) bagi program sosial korporatnya (CSR) di Sabah, terutama yang bermatlamat untuk membantu meningkatkan taraf hidup dalam kalangan masyarakat di luar bandar, selain menyokong pembangunan belia Sabah menerusi sukan dan keusahawanan.

## **JAWAPAN :-**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, walaupun berdepan dengan pelbagai cabaran dalam sektor minyak dan gas, PETRONAS tetap menekankan dan menyokong usaha-usaha penambahbaikan taraf hidup serta kesejahteraan komuniti, pembangunan masyarakat setempat dan pemuliharaan alam sekitar di Negeri Sabah.

Bagi tempoh 2011-2016, PETRONAS telah menyumbang sebanyak RM115 juta untuk peningkatan taraf hidup masyarakat luar bandar di Sabah melalui pelbagai program pendidikan dan peningkatan modal insan seperti:

- (i) Program Penajaan Pendidikan PETRONAS (PESP);
- (ii) Program Sekolah Amanah (*Trust School*);
- (iii) Program Sentuhan Ilmu PETRONAS;
- (iv) Bantuan Penajaan Dan Latihan Institusi Vokasional (VISTA);
- (v) Program BUDI PETRONAS;
- (vi) Program Skim Latihan 1 Malaysia - Skim Peningkatan Kebolehpasaran Graduan (SL1M GEES); dan

(vii) *Discover PETRONAS@School.*

Selain itu, untuk tempoh yang sama, PETRONAS telah memberi sumbangan sebanyak RM83 juta untuk program Konservasi Imbak Kanyon dengan kerjasama Yayasan Sabah bagi menyokong aktiviti pemeliharaan dan pemuliharaan alam sekitar.

Bagi tempoh 4 tahun yang akan datang pula, pihak PETRONAS ketika pelancaran program sosial korporat di Sabah baru-baru ini telah memberi komitmen untuk menyumbang RM18 juta untuk melaksanakan tiga lagi program iaitu *Planting Tomorrow*, *Food Basket* dan *Youth & Talent Development*. Program-program ini akan dilaksanakan dengan kerjasama Kerajaan Negeri Sabah.

Selain itu, antara inisiatif lain yang masih di dalam peringkat perancangan PETRONAS adalah membabitkan pembinaan sebuah Maktab Rendah Sains MARA (MRSM) di Ranau dan Asrama Harian Luar Bandar.

Sekian, terima kasih.

Mac 2017

**SOALAN : 190**

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT  
JAWAPAN OLEH YB DATUK SERI DR. S. SUBRAMANIAM  
MENTERI KESIHATAN MALAYSIA**

**PERTANYAAN :** BUKAN LISAN  
**DARIPADA :** YB TUAN CHARLES ANTHONY A/L R.  
SANTIAGO [ KLANG ]  
**SOALAN :**  
**TARIKH :**

**YB Tuan Charles Anthony A/L R. Santiago [ Klang ]** minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan status "National Cancer Plan" yang dibincangkan pada tahun 2015. Apakah plan tindakan Kerajaan untuk menangani pesakit kanser.

**Tuan Yang Dipertua,**

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) amat perihatin dan mengambil berat tentang peningkatan penyakit tidak berjangkit termasuk kanser di negara ini. Justeru itu, pelan tindakan kanser kebangsaan adalah amat penting dalam usaha-usaha menangani beban kanser di Malaysia. Kementerian Kesihatan Malaysia pada masa ini sedang dalam peringkat akhir mengemaskini Pelan Tindakan Strategik Kebangsaan Program Kawalan Kanser atau, dengan izin, *National Strategic Plan for Cancer Control Programme*

(NSPCCP) 2016-2020 bagi mengantikan pelan tindakan sebelum ini iaitu, dengan izin, *National Cancer Control Blueprint 2008-2015*. Pelan tindakan yang sedang dikemaskini juga merangkumi semua aspek yang melibatkan kawalan kanser iaitu pencegahan, saringan, pengesanan awal, diagnosis, rawatan, rehabilitasi, rawatan paliatif serta perubatan tradisi dan komplemantari.

**Tuan Yang Dipertua,**

Tidak dinafikan, terdapat cabaran-cabaran yang dihadapi dalam melaksanakan strategi-strategi yang dirancang dalam pelan tindakan 2008-2015. Antara cabaran-cabaran tersebut adalah bagi mendapatkan liputan optimum untuk saringan kanser payu dara dan serviks. Saringan kanser kolorektal yang telah dimulakan pada tahun 2014 secara berperingkat juga akan diperkuuhkan agar lebih ramai rakyat tampil menjalani ujian saringan.

Lebih dari 50% kes-kes kanser dikesan lewat menyebabkan peluang untuk sembah sepenuhnya berkurang. Punca utama kelewatan dalam pengesanan kanser adalah disebabkan pesakit tidak menjalani ujian saringan atau lewat mendapatkan nasihat doktor apabila mereka mempunyai gejala-gejala kanser. Perkara ini mungkin disebabkan kurangnya kesedaran orang ramai tentang kepentingan saringan dan pencegahan kanser. Satu pertiga dari penyakit kanser boleh dicegah dengan amalan gaya hidup sihat.

Justeru itu, fokus terhadap usaha meningkatkan kesedaran orang ramai tentang penyakit kanser, faktor risiko, pencegahan dan kepentingan saringan serta pengesanan awal akan terus diberi keutamaan. Pelan tindakan 2016-2020 terus memberi keutamaan dalam pencegahan, saringan dan pengesanan awal kanser bagi meningkatkan kesedaran orang ramai. Kerjasama dengan agensi-agensi dan semua pihak berkepentingan akan diperkuuhkan agar semua lapisan masyarakat dapat melakukan saringan awal dengan lebih efektif. Di samping itu, pertubuhan-pertuuhan bukan kerajaan juga diminta untuk mempergiatkan aktiviti-aktiviti yang mereka dijalankan. Amat penting bagi orang ramai menterjemah pengetahuan yang diperolehi kepada perubahan amalan gaya hidup serta lebih peka untuk menjalani ujian saringan agar penyakit kanser dapat dicegah dan dikesan awal.

### **Tuan Yang Dipertua.**

Selain dari pencegahan, saringan, pengesanan awal dan meningkatkan kesedaran orang ramai tentang faktor risiko dan kepentingan saringan, fokus atau keutamaan dalam pembangunan modal insan, memastikan penambahbaikan perkhidmatan rawatan kanser sedia ada. Objektif utama dalam aspek rawatan kanser adalah untuk mempertingkatkan perkhidmatan agar lebih saksama untuk semua rakyat. Antaranya adalah mewujudkan pusat radioterapi dan onkologi yang baru untuk zon utara serta memperkuuh pusat-

pusat radioterapi dan onkologi sedia ada di negara. Perkhidmatan-perkhidmatan onkologi lain, contoh, yang melibatkan pembedahan, hematologi, perubatan nuklear dan lain-lain untuk pesakit kanser juga turut diperkuuhkan.

Di samping itu, kos ubat-ubatan kanser juga semakin meningkat. Oleh itu, dalam pelan tindakan kanser 2016-2020 ini, kerajaan berusaha untuk mencari jalan bagaimana kos-kos yang tinggi dapat ditangani agar pesakit-pesakit kanser menerima rawatan sewajarnya.